

Masa untuk jayakan bangsa Malaysia baru

01 JAN 1992

SEDUTAN ucapan tahun baru Perdana Menteri, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

ASSALAMUALAIKUM Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera. Bersyukur kita kepada Allah Subhanu Wa Taala kerana sekali lagi kita dapat menyambut tahun baru dalam keadaan aman dan stabil. Tahun 1991 bagi Malaysia telah berakhir tanpa sebarang masalah atau tragedi yang besar.

Ketenteraman dan keselesaan yang kita nikmati sekarang adalah hasil daripada kestabilan nolitik dan sosial kerana rakyat di negara ini tidak bersikap pelampau dan pasukan-pasukan keselamatan dan keamanan pula menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

Bukan mudah bagi satu-satu negara berbilang kaum hidup rukun damai serta saling hormat-menghormati. Tetapi kita sudah membuktikan kemampuan kita.

Sekarang dunia akui bahawa Malaysia lebih mampu dan lebih berjaya mencapai perhubungan baik di antara kaum daripada negara-negara berbilang kaum lain.

Salah satu sebab kejayaan kita ialah rakyat Malaysia menghargai keamanan dan kestabilan sebagai nikmat yang mesti dipelihara.

Dengan itu kita membendung perasaan perkauman dan kita pupuk sikap toleransi terhadap cara hidup masing-

kaum mampu membangunkan negara secara terus-menerus selama 30 tahun untuk mencapai taraf negara maju wawasan kita?

Sebab itu ada bangsa yang dahulunya mundur, kemudian menjadi maju dan sebaliknya ada bangsa yang dahulunya maju kemudian menjadi mundur.

Jika diteliti kita akan dapati maju-mundurnya sesuatu bangsa itu disebabkan oleh etika dan nilai-nilai yang diamalkan oleh mereka. Apabila etika yang baik yang diamalkan semasa maju digugurkan, lambat-laun bangsa itu akan mundur.

Sebaliknya, apabila etika mulia diterapkan ke dalam budaya bangsa yang mundur, dalam jangka masa yang singkat bangsa itu akan maju. Demikian juga dengan kaum atau individu.

Oleh itu, Malaysia yang ditakrif negara membangun mampu mencapai taraf negara maju jika kita sanggup mengamalkan etika kerja dan sifat-sifat yang mulia.

Sementara etika kerja boleh menjayakan sesuatu bangsa dalam pekerjaan; keselamatan dan kestabilan negara juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sesebuah negara atau masyarakat hanya akan selamat dan stabil jika rakyatnya mempunyai sifat-sifat kesederhanaan.

Kita harus ingat bahawa dalam mana-mana masyarakat pun tidak ada sesiapa yang akan mendapat semua kehendak hatinya. Dalam masyarakat yang terdiri daripada hanya satu bangsa pun, tidak terdapat persetujuan seratus peratus mengenai apa jua perkara.

Sudah tentu ada pihak yang tidak puas hati dengan tuntutan pihak lain. Dengan itu perselisihan faham akan

lam usaha memajukan negara. Tanggungjawab Kerajaan memang banyak terutamanya perkara-perkara yang kerajaan sahaja boleh melaksanakan. Sudah tentu dalam proses demokrasi jika Kerajaan bertukar-tukar, pencapaian Wawasan 2020 tidak dapat dijamin.

Kerajaan yang ada sekarang sedia menerima teguran dan sanggup bertindak mengikut pendapat yang bernas dalam usahanya untuk menayakan Wawasan 2020.

Sebenarnya, apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah hasil kesanggupan Kerajaan membentuk pendekatan, berdasarkan cadangan baru dari dalam dan luar kerajaan. Adalah jelas bahawa sikap terbuka Kerajaan membawa manfaat kerana umum mengakui bahawa Malaysia membangun dengan lebih pesat daripada kebanyakan negara lain.

Sikap terbuka Kerajaan akan diteruskan tetapi kerajaan juga tidak akan lupa akan tanggungjawabnya terutamanya mengenai keselamatan dan kestabilan negara.

Orang asing tidak berhak menentukan apa yang baik untuk negara ini. Hanya warganegara Malaysia sahaja yang berhak dan mereka boleh menyuarakan pendirian mereka dengan cara yang tertib khususnya melalui proses pilihanraya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Semua yang kita rancang dan kita usahakan adalah ikhtiar. Manusia yang dikurniakan dengan akal fikiran dan tenaga tidak harus menunggu segalanya datang bergolek kepada mer-

masing.

Hampir seluruh negara tidak ada percubaan untuk memaksa budaya sesuatu kaum ke atas kaum lain. Di negara ini dengan Islam menjadi agama rasmi, tidak adanya paksaan memanglah seecok dengan ajaran Islam.

Perlembagaan negara jugamenjamin agama dan budaya lain yang boleh diamalkan tanpa gangguan.

Sepanjang tahun 1991, beberapa perkara venting diperkenalkan. Antaranya ialah Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Semua ini bertujuan menentukan satu sasaran atau target bagi semua rakyat.

Wawasan 2020 bertujuan membawa negara kepada tahap kemajuan yang setaraf dengan negara-negara maju. Ini tidak bermakna kita ingin kepada keadaan seperti keruntuhan moral dan keangkuhan kuasa yang melanda sesetengah negara maju.

Yang kita maksudkan ialah kebolehan, pengetahuan dan kecekapan serta taraf hidup yang sama atau lebih baik daripada negara maju.

Tujuan kita ialah kemajuan material yang diimbangi dengan pembangunan rohani serta pengekalan nilai-nilai murni kita. Ini akan membebaskan kita daripada pergantungan sepanjang masa kepada ilmu dan kebolehan serta kekayaan negara-negara maju.

Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan dan kecekapan yang terdapat di zaman ini, selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing.

Membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara yang amat mudah. Siapa sahaja boleh mencipta cita-cita besar. Tetapi di antara cita-cita atau wawasan dengan kemampuan mencapainya terdapat lurah yang amat dalam dan lebar serta rintangan yang amat besar.

Oleh itu, perkara yang harus diperolek ialah apakah Malaysia dan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai

Jawapannya boleh didapati daripada rekod kita setelah 34 tahun merdeka. Pada tahun 1957, penduduk Persekutuan Tanah Melayu seramai enam juta mempunyai vendavatan per kapita sebanyak M\$775 ringgit.

Selama 34 tahun merdeka bilangan rakyat bertambah kepada 18 juta dan pendapatan per kapita meningkat kepada M\$6,781 ringgit; kenaikan hampir sembilan kali ganda. Pertambahan penduduk boleh mengurangkan pendapatan per kapita. Tetapi kita berjaya meningkatkannya.

Jelas sekali dalam masa 34 tahun kita telah berjaya meningkatkan pendapatan per kapita, yang dianggap sebagai ukuran pembangunan, sebanyak hampir sembilan kali ganda.

Untuk Wawasan 2020, kita perlu tingkatakan pendapatan per kapita sebanyak lapan kali ganda dalam 30 tahun. Jika rekod kita menjadi pedoman, pencapaian matlamat kita bukanlah mustahil.

Tetapi ini tidak bermakna bahawa hanya dengan usaha-usaha biasa, kita boleh mencapai matlamat Wawasan 2020.

Banyak faktor lain yang akan menentukan prestasi kita termasuk pasaran dunia, politik dalam dan luar negara, kecanggihan ilmu, persaingan yang lebih hebat dalam pasaran antarabangsa dan sekatan oleh negara-negara maju. Pembangunan tidak berlaku dengan sendirinya. Dasar serta usaha yang gigih adalah diperlukan.

Justeru itu, kita harus sedar akan betapa pentingnya kita mengamalkan nilai-nilai dan cara-cara yang boleh menjayakan kita.

Berjaya atau tidaknya seseorang, atau satu kaum, atau satu bangsa bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada individu, kaum ataupun bangsa itu.

Jika pihak-pihak ini tidak rajin, tidak jujur, tidak mempunyai pandangan yang jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal.

berlaku. Apatah lagi dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Jika ada sikap yang rasional serta perasaan bertanggungjawab dan bertimbang rasa, maka perbezaan pendapat tidak akan membawa rusuhan. Sebaliknya akan wujud kesanggupan untuk bertolak-ansur. Ini membolehkan ketenteraman wujud dalam negara.

Sifat-sifat ini ada di kalangan rakyat Malaysia dan ianya perlu ditingkatkan supaya keamanan dan kestabilan yang begitu penting untuk pembangunan negara akan berterusan.

Dengan ini juga, kita dapat mengelakkan daripada berlakunya rusuhan. Ini adalah lebih baik daripada terpaksa mengawal rusuhan setelah ianya berlaku.

Tiga puluh tahun bukanlah satu jangka masa yang panjang. Tetapi ramai daripada kita yang tidak akan ada pada tahun 2020. Dengan itu aya yang dirangkakan ialah untuk generasi muda.

Tetapi ini tidak bermakna mereka yang tidak mungkin menikmati kemajuan pada tahun 2020 tidak perlu bekerja keras untuk matlamat ini. Satu daripada sifat yang mulia ialah tidak mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya mengutamakan masa hadapan bangsa dan negara. Namun, sepanjang proses kemajuan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, banyak nikmat yang akan diperolehi.

Bagi generasi muda, mereka akan menikmati sepenuhnya kemajuan yang dirangkakan. Insya-Allah. Tetapi mereka hendaklah ingat bahawa mereka mesti bersedia untuk terus memajukan negara setelah matlamat 2020 dicapai.

Untuk ini, segala sifat yang mulia perlu dipupuk sehingga menjadi sedarah-sedaging dengan mereka. Insya-Allah jika sifat-sifat yang mulia tertanam secara mendalam dalam hati sanubari mereka, kemajuan yang dicapai akan berkekalan.

Kerajaan akan memainkan peranannya dengan bersungguh-sungguh da-

eka.

Manusia perlu berfikir dan berusaha sebagai penghargaan kepada segala kurniaan Tuhan. Hanya setelah segala ikhtiar dibuat baharulah kita boleh berkata bahawa sesuatu itu telah ditakdirkan. Inilah yang dibuat oleh kerajaan. Percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya Wawasan itu tertumpu hanya kepada kebendaan, adalah satu usaha mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh Islam.

Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa mereka ini, secara sedar atau tidak sedar, bersubahat dengan musuh-musuh Islam. Dakyah mereka ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat nikmat daripada pembangunan yang mereka kecani.

Sebenarnya Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan yembangan material dengan pembangunan rohaniah seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

Jika pada tahun 2020, kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia masih di tahap sekarang, kita khuatir iman mereka akan tergugat. Harus diingat bahawa kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran.

Pada 1 Januari 1992, semua rakyat Malaysia haruslah membuat resolusi untuk menjayakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka supaya prestasi tahun kedua dalam usaha kita ke arah Wawasan 2020 terus meningkat. Marilah kita, semua rakyat Malaysia daripada semua kaum, berganding-bahu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk Bangsa Malaysia dan Negara Malaysia.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia, dan saya berdoa semoga tahun 1992 akan membawa kita semua kepada kehidupan yang lebih bahagia dan kepada tahap pencapaian pembangunan yang diperlukan untuk menjayakan Wawasan 2020.